

# Pasukan penyelidik kaji banjir, hakisan pantai ditubuh

**KUALA TERENGGANU** – Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menubuhkan pasukan penyelidik bagi mengkaji bencana banjir dan hakisan pantai di kawasan pantai timur terutama di Terengganu.

Naib Canselornya, Prof. Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo berkata, pasukan 16 anggota yang dibahagi kepada dua kumpulan kecil itu antara lain akan menyediakan peta kawasan banjir serta hakisan pantai.

“Menerusi kajian yang dijalankan, diharap kita dapat menyediakan langkah-langkah menangani dan juga persediaan awal menghadapi bencana,” katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Katanya, setiap pasukan dianggotai oleh pakar dalam bidang yang berkaitan.

“Untuk kajian masalah hakisan pantai, kita turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Perparitan dan Saliran,” katanya.

Ibrahim berkata, kedua-dua kajian itu merupakan penyelidikan jangka panjang dan laporan akan dikeluarkan secara berperingkat-peringkat.



**IBRAHIM**